

24 JUL 1996

EXCO KEDAH BERMESYUARAT DI LANGKAWI

LANGKAWI, 24 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini malam ini.

Mesyuarat yang bermula pukul 9 malam itu masih berjalan sehingga lewat malam ini.

Ini merupakan mesyuarat Exco yang pertama diadakan di pulau ini setelah Sanusi, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah, menjadi Menteri Besar sejak 16 Jun lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini esok untuk merasmikan Pameran Antarabangsa Lapangan Terbang (AIRPORTEX '96) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat. -- BERNAMA

ZAA OBA